



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# PENEMUAN TINJAUAN PENDAPAT UMUM BERSEMPENA SAMBUTAN HARI BAPA 2024

Bersempena dengan sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2024, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan satu tinjauan pendapat umum secara dalam talian bermula **12 hingga 30 Jun 2024**. Dengan tema "Terima KASIH Ayah", seramai 1,238 orang responden yang terdiri daripada golongan bapa warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas serta mempunyai anak telah terlibat dalam tinjauan ini.

## ISU DAN CABARAN KEBAPAAN



**9 daripada 10**


orang responden menyatakan menjadi seorang bapa zaman kini sangat mencabar berbanding zaman dahulu.

### Cabaran UTAMA


- Kos sara hidup yang tinggi **84.4%**
- Masalah keseimbangan kerja-kehidupan **72.9%**
- Masalah kewangan **68.3%**
- Gaji/ pendapatan yang rendah **44.4%**
- Tekanan kerja **43.4%**

### Cabaran ini memberi kesan kepada para bapa..?

**23.7%** responden menyatakan cabaran ini memberi kesan **KEMURUNGAN**. **16.7%** daripadanya kerap mengalami kemurungan.



## TANGGUNGJAWAB SEBAGAI SEORANG BAPA



### Adakah responden dianggap berjaya dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang bapa?

**9.0%** responden menyatakan **TIDAK, kenapa?**

Antara jawapan:

"Masalah kewangan kerana kos sara hidup yang tinggi"

"Pendapatan tidak cukup dan masih bergantung dengan pendapatan isteri."

"Kerana kos sara hidup terlalu tinggi membuatkan kurang masa bersama anak2. Saya perlu buat kerja lebih dari 12jam untuk melengkapkan kos harian 1bulan. Tidak termasuk untuk kos naik sekolah atau perayaan..saya perlu pajak barang bercharge untuk anak isteri."


"Kurang masa bersama keluarga..tumpuan pada kerjaya."

**2.2%** responden menyatakan pernah terfikir untuk mencederakan diri atau membunuh diri atau melakukan sesuatu di luar kawalan terhadap ahli keluarga.




# PERANAN BAPA DALAM KELUARGA

## Penglibatan bersama para isteri dalam melakukan urusan keluarga




## Adakah anak-anak selesa untuk berbincang perkara berikut dengan para bapa?

**YA**, dalam kebanyakan perkara, bapa adalah tempat untuk anak-anak berkongsi cerita, informasi dan bertukar pandangan.



# CARAGAYA BAPA DIDIK ANAK

**83.7%** - Belajar dari kesilapan dan perbaikinya.



**7.4%** - Dengar cakap ibu, jangan membantah.

**4.7%** - Peraturan itu ada, tapi ianya boleh dilanggar sekali-sekala.

**4.3%** - Bebas berdikari untuk melakukan apa sahaja.

**Apa yang bapa harapkan bersempena Hari Bapa:**



**61.1%** - Ucapan dan kata-kata semangat



**12.0%** - Wang tunai



**4.3%** - Makanan



**3.0%** - Aset (Kenderaan/ Rumah)